

Isi tempat kosong dengan kata bilangan yang disediakan di bawah.

tiap-tiap	lima	segelintir	separuh	pertama
beribu-ribu	semua	seluruh	beberapa	masing-masing

- 1 Oleh sebab banjir melanda negeri Kelantan, _____ bandar Kota Bharu telah lumpuh.
- 2 _____ hari, ibu menyiram pokok bunga kecuali pada hari hujan.
- 3 _____ pandangan telah dikemukakan oleh beliau untuk mengatasi masalah perparitan.
- 4 Puan Aida memasukkan _____ cawan gula ke dalam adunan kek.
- 5 Suraya mendapat tempat _____ dalam acara 1000 meter.
- 6 _____ berpeluk tubuh apabila diarahkan oleh Cikgu Imad untuk mengangkat kerusi di dewan.
- 7 Polis terpaksa menyuraikan _____ penonton yang bertindak liar membaling mercun ke tengah padang bola sepak.
- 8 Datuk membela _____ ekor ayam serama sejak tahun lepas.
- 9 _____ murid dikehendaki menghantar buku latihan kepada Cikgu Roslan.
- 10 _____ ekor belalang juta berterbangan menuju ke atas bukit.

Praktis ⑤

Lengkapkan petikan di bawah dengan kata bilangan yang sesuai.

- ① _____ (Lima, Kelima) deret rumah di Jalan Ampang telah terbakar pada pukul empat pagi semalam. ② _____ (Masing-masing, Semua) anggota bomba dari Pasukan Bomba dan Penyelamat Keramat bergegas ke sana. Pasukan Bomba dan Penyelamat tiba di tempat kejadian selepas ③ _____ (setengah, separuh) jam kebakaran berlaku. Pasukan Bomba dan Penyelamat dari Shah Alam juga datang untuk membantu. ④ _____ (Setiap, Pertama) keluarga dianggarkan mengalami kerugian ⑤ _____ (seluruh, ribuan) ringgit. Ramani yang merupakan anak ⑥ _____ (kedua, kedua-dua) dalam keluarganya telah menjadi korban dalam kejadian ini manakala ⑦ _____ (lapan, kelapan) orang mengalami cedera ringan. Pasukan Bomba dan Penyelamat telah pulang ke balai ⑧ _____ (segala, masing-masing) pada pukul 10 pagi setelah api berjaya dipadamkan sepenuhnya.